

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

HSK 203 – Teori dan Kaedah Sejarah

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja. Jawab **DUA** soalan daripada setiap bahagian. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

Bahagian A

1. "Walaupun benar bahawa para ahli sejarah pada dasarnya tidak membuat satu pemisahan mutlak antara pemikiran reflektif dan unsur-unsur yang bukan reflektif, namun apa yang tidak boleh dinafikan ialah hakikat bahawa mereka memberi keutamaan kepada soal pemikiran reflektif" (R. Suntharalingam). Sejauh manakah anda setuju?
2. "Revolusi Rusia telah dirancang dan dilancarkan oleh Lenin. Sekiranya, Lenin mati dilanggar keretapi dan tidak hidup pada tahun 1917, saya berasa Revolusi Rusia tidak akan tercetus" (Isaiah Berlin). Sejauh manakah penjelasan seperti ini dapat diterima dalam bidang sejarah?
3. "Semua tindakan dalam sejarah seharusnya diadili. Alasan bahawa seseorang itu telah berada dalam keadaan terdesak tidak mengecualikan tindakannya daripada pengadilan moral" (Agnes Heller). Bincangkan.
4. "Setiap ahli sejarah adalah produk zamannya sendiri dan karyanya mencerminkan pengaruh masa, negara, kumpulan dan kelas zamannya" (Charles Beard). Bincangkan.

Bahagian B

5. Bincangkan secara kritis kaedah penulisan sejarah yang telah dianjurkan oleh sarjana-sarjana Yunani dan nilaikan sejauh manakah kaedah ini masih dapat digunakan.
6. "Para sarjana Kristian sepanjang Zaman Pertengahan tidak berminat akan kajian yang tepat dan saintifik tentang fakta sejarah tetapi telah menumpu kepada pengkajian sifat-sifat ketuhanan yang tepat dan saintifik" (R.G. Collingwood). Bincangkan.
7. "Ranke yang telah berusaha untuk menulis sejarah sepertimana ia benar-benar berlaku langsung tidak sedar bahawa penulisannya sendiri telah dipengaruhi oleh sentimen konservatif yang didukungnya" (Arthur Marwick). Sejauh manakah anda setuju?
8. Menurut aliran *Annales* sejarah tentang kejadian-kejadian (*histoire evenementielle*) tidak penting bagi memahami sejarah manusia. Sejauh manakah pandangan ini dapat diterima?